



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, SUKE PERTAMA DAN MAC 2022**

**Kadar pengangguran pada suku pertama 2022 menurun kepada 4.1 peratus dengan bilangan penganggur menurun kepada 671.2 ribu orang**

**PUTRAJAYA, 10 Mei 2022 –** Kadar pengangguran pada suku pertama 2022 menurun kepada 4.1 peratus dengan bilangan penganggur menurun kepada 671.2 ribu orang, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Suku Pertama dan Mac 2022. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh pada suku tahun dan bulan tersebut berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, "Tenaga buruh yang menggalakkan dilihat pada suku tersebut dengan peningkatan bilangan tenaga buruh sebanyak 0.7 peratus suku ke suku merekodkan 16.25 juta orang. Rentetan itu, kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi direkodkan iaitu pada 69.0 peratus (ST4 2021: 68.7%). Melihat kepada situasi guna tenaga pada suku tahun tersebut, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 0.9 peratus mencatatkan 15.57 juta orang (ST4 2021: 15.44 juta orang). Sementara itu, bilangan penganggur kekal pada trend penurunan, berkurang sebanyak 3.3 peratus merekodkan 671.2 ribu orang (ST4 2021: 694.4 ribu orang). Justeru, kadar pengangguran yang lebih rendah dicatatkan pada suku tahun tersebut iaitu pada 4.1 peratus berbanding 4.3 peratus pada ST4 2021."

Selanjutnya, Ketua Perangkawan berkata, "Pengoperasian aktiviti perniagaan dan sosial pada kapasiti penuh pada suku tersebut telah menyebabkan penurunan dalam bilangan penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu iaitu sebanyak 14.6 peratus mencatatkan 336.3 ribu orang (ST4 2021: 393.8 ribu orang). Oleh itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa atau mereka yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu dan sanggup untuk menerima tambahan jam bekerja mencatatkan penurunan dua digit iaitu sebanyak 16.4 peratus kepada 245.1 ribu orang, mencatatkan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa yang lebih rendah pada 1.6 peratus pada suku tersebut (ST4 2021: 293.1 ribu orang; 1.9%). Begitu juga, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang merangkumi mereka yang berpendidikan tertiar namun bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah, berkurang sebanyak 1.5 peratus kepada 1.81 juta orang merekodkan kadar guna

tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran sebanyak 36.9 peratus (ST4 2021: 1.84 juta orang; 37.5%).”

Melihat kepada kedudukan pengangguran mengikut negeri, majoriti negeri merekodkan penurunan dalam kadar pengangguran pada suku tersebut kecuali Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Sabah. W.P. Putrajaya kekal dengan kadar pengangguran terendah iaitu pada 1.0 peratus, diikuti oleh Pahang (2.4%) dan Melaka (3.0%). Dari segi KPTB mengikut negeri, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan dalam KPTB yang menunjukkan lebih banyak penyertaan buruh dalam pasaran. KPTB tertinggi dicatatkan oleh Selangor (75.1%), W.P. Kuala Lumpur di kedudukan kedua dengan 74.5 peratus dan diikuti oleh Pulau Pinang (71.1%), Sarawak (70.5%) dan W.P. Putrajaya (70.3%).

Mengulas lanjut prestasi keseluruhan bagi Mac 2022, Ketua Perangkawan berkata, “Tenaga buruh negara terus meningkat pada Mac 2022 dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.44 juta orang (Februari 2022: 16.40 juta orang). Sehubungan itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) naik sebanyak 0.1 mata peratus kepada 69.2 peratus (Februari 2022: 69.1%), sekaligus menunjukkan lebih banyak penyertaan tenaga buruh dalam ekonomi. Kedudukan tenaga buruh yang semakin berkembang pada bulan tersebut susulan strategi pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara sebagai pemangkin utama kepada pengukuhan ekonomi dan pasaran buruh. Pada Mac 2022, menyaksikan peningkatan guna tenaga yang stabil manakala bilangan penganggur terus menurun selaras dengan pengoperasian berterusan semua aktiviti perniagaan dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard, sekali gus memacu kedudukan ekonomi dan pasaran buruh yang lebih rancak pada bulan tersebut.”

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Bilangan penduduk bekerja semakin kukuh pada Mac 2022 dengan peningkatan 0.2 peratus kepada 15.77 juta orang (Februari 2022: 15.73 juta orang). Oleh itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga meningkat sebanyak 0.1 mata peratus merekodkan 66.4 peratus pada Mac 2022 berbanding bulan sebelumnya (Februari 2022: 66.3%). Sebaliknya, bilangan penganggur pada bulan tersebut terus menurun dengan pengurangan sebanyak 0.4 peratus kepada 669.2 ribu orang penganggur (Februari 2022: 671.8 ribu orang), sekaligus mencatatkan kadar pengangguran Mac pada 4.1 peratus.”

Mengulas lanjut mengenai situasi guna tenaga, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Kategori pekerja yang merangkumi 76.5 peratus daripada penduduk bekerja pada Mac 2022, terus merekodkan peningkatan positif bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus, mencatatkan sejumlah 12.06 juta orang (Februari 2022: 12.05 juta orang). Kategori penduduk bekerja sendiri juga turut mencatatkan peningkatan sebanyak 0.6 peratus bulan ke bulan kepada 2.69 juta orang (Februari 2022: 2.67 juta orang).”

Dari segi sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja bagi sektor Perkhidmatan kekal dalam trend meningkat terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan & minuman dan Kesihatan kemanusiaan & kerja sosial. Trend yang sama juga dilihat dalam bilangan penduduk bekerja sektor Pembuatan dan Pembinaan yang meningkat secara berterusan selama sembilan bulan berturut-turut. Walau bagaimanapun, guna tenaga dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian kekal dalam trend negatif.

Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan tersebut Ketua Perangkawan berkata, “Sebanyak 83.8 peratus daripada jumlah penganggur merupakan mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif. Kategori ini mencatatkan penurunan sebanyak 0.3 peratus kepada 561.0 ribu orang (Februari 2022: 562.5 ribu orang). Daripada jumlah penganggur aktif, 57.1 peratus merupakan mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, sementara 7.1 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Sebaliknya, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia berada dalam trend penurunan selama 8 bulan berturut-turut dengan pengurangan sebanyak 1.1 peratus mencatatkan 108.1 ribu orang (Februari 2022: 109.3 ribu orang).”

Kadar pengangguran belia bagi umur 15 hingga 24 tahun meningkat kepada 13.1 peratus pada Mac 2022 berbanding 13.0 peratus pada Februari 2022, mencatatkan 361.0 ribu orang penganggur belia (Februari 2022: 356.9 ribu orang). Sebaliknya, kadar pengangguran bagi belia umur 15 hingga 30 tahun turun sedikit iaitu sebanyak 0.1 mata peratus kepada 8.0 peratus, berikutan penurunan sebanyak 2.2 peratus dari segi bilangan kepada 502.4 ribu penganggur belia (Februari 2022: 8.1%; 513.7 ribu orang).

Bilangan penduduk di luar tenaga buruh terus menurun pada Mac 2022 selaras dengan pembukaan semula semua sektor ekonomi, justeru membolehkan kumpulan tidak aktif ini untuk masuk ke dalam pasaran buruh sama ada untuk bekerja atau mencari pekerjaan. Kumpulan ini mencatatkan penurunan sebanyak 0.2 peratus kepada 7.31 juta orang (Februari 2022: 7.32 juta orang). Kerja rumah/tanggungjawab keluarga merupakan sebab utama luar tenaga buruh dengan sumbangan sebanyak 42.3 peratus dan seterusnya kategori bersekolah/ latihan dengan 40.8 peratus.


Mengulas kedudukan tenaga buruh secara keseluruhan bagi tempoh yang akan datang, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Fasa peralihan ke endemik begitu juga pelonggaran beberapa lagi sekatan, termasuk pembukaan semula sempadan negara kepada umum dilihat dapat merangsang lagi pemulihan ekonomi negara. Selain itu, aktiviti ekonomi dilihat semakin pulih, terutamanya bagi industri pelancongan, sekali gus membolehkan lebih banyak permintaan terhadap tenaga buruh bagi memastikan pengoperasian aktiviti perniagaan berjalan dengan lancar.

Sementara itu, indikator perdagangan luar negeri bulanan bagi kedua-dua eksport dan import meningkat semula dengan mencatatkan pertumbuhan dua digit bulan ke bulan pada Mac 2022. Sebaliknya, krisis antarabangsa yang berterusan, seperti perang Rusia-Ukraine telah mengganggu rantaian bekalan global. Walau bagaimanapun, ia mungkin mempunyai kesan langsung yang minimum terhadap perdagangan Malaysia. Oleh itu, secara keseluruhannya ekonomi negara serta pasaran buruh akan semakin berkembang pada bulan-bulan yang akan datang berikutan lebih banyak isyarat ekonomi yang positif ditunjukkan.”

Data siri masa serta maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi melalui *dashboard Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID)*. Sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> untuk maklumat lanjut.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

**Carta 1:** Pengangguran, Malaysia, Jan 2020 - Mac 2022




**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 10 Mei 2022**

**Carta 2: Pengangguran, Malaysia, ST1 2018 - ST1 2022**




**Carta 3: Bekerja kurang dari 30 jam, ST1 2020 - ST1 2022**



$$\text{Kadar penduduk bekerja kurang dari 30 jam} = \frac{\text{Bilangan penduduk bekerja kurang dari 30 jam}}{\text{Bilangan penduduk bekerja}}$$


**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 10 Mei 2022**

**Carta 4: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2020 - ST1 2022**



$$\text{Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa} = \frac{\text{Bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa}}{\text{Bilangan penduduk bekerja}}$$


**Carta 5: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2020 - ST1 2022**




$$\text{Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran} = \frac{\text{Bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran}}{\text{Bilangan penduduk bekerja berpendidikan tertiar}}$$

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 10 Mei 2022**

**Carta 6: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari 2020 - Mac 2022**



**Carta 7: Luar tenaga buruh, Malaysia, ST1 2018 - ST1 2022**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
10 MEI 2022**



**MEDIA STATEMENT**  
**STATISTICS OF LABOUR FORCE, MALAYSIA,**  
**FIRST QUARTER AND MARCH 2022**

***Unemployment rate in the first quarter of 2022 declined to 4.1 per cent with number of unemployed reduced to 671.2 thousand persons***

**PUTRAJAYA, 10 May 2022 –** The unemployment rate in the first quarter of 2022 declined to 4.1 per cent with number of unemployed reduced to 671.2 thousand persons, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on Statistics of Labour Force, Malaysia, First Quarter and March 2022. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, “The encouraging labour force was observed during the quarter as the number of labour force increased by 0.7 per cent quarter-on-quarter recording 16.25 million persons. Consequently, a higher LFPR was recorded at 69.0 per cent (Q4 2021: 68.7%). By looking at the employment situation during the quarter, the number of employed persons ascended by 0.9 per cent to record 15.57 million persons (Q4 2021: 15.44 million persons). Meanwhile, the number of unemployed persons remained on a decreasing trend, dropped by 3.3 per cent to record 671.2 thousand persons (Q4 2021: 694.4 thousand persons). Thus, a lower unemployment rate was registered during the quarter at 4.1 per cent as compared to 4.3 per cent in Q4 2021.”

Adding to this, the Chief Statistician said, “The resumption of business and social activities at full capacity during the quarter brought down the number of persons who worked less than 30 hours per week by 14.6 per cent registering 336.3 thousand persons (Q4 2021: 393.8 thousand persons). Therefore, time-related underemployment or persons who worked less than 30 hours a week and were able and willing to work extra hours registered a double-digit decrease of 16.4 per cent to 245.1 thousand persons, recording lower time-related underemployment rate at 1.6 per cent during the quarter (Q4 2021: 293.1 thousand persons; 1.9%). Similarly, skill-related underemployment which comprised those with tertiary education attainment but working in semi-skilled and low-skilled occupations, declined by 1.5 per cent to 1.81 million persons with lower skill-related underemployment rate at 36.9 per cent (Q4 2021: 1.84 million persons; 37.5%).”

*Looking at the unemployment situation by state, majority of the states posted a decline in the unemployment rate during the quarter except for Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu and Sabah. W.P. Putrajaya remained with the lowest unemployment rate at 1.0 per cent, followed by Pahang (2.4%) and Melaka (3.0%). In terms of LFPR by states, most of the states recorded an increase in LFPR indicating that more labour participation is in the market. The highest LFPR was registered by Selangor (75.1%), W.P. Kuala Lumpur ranked second with 74.5 per cent and trailed by Pulau Pinang (71.1%), Sarawak (70.5%) and W.P. Putrajaya (70.3%).*

*Discussing the overall performance for March 2022, the Chief Statistician said, “The country’s labour force remained upward in March 2022 with a month-on-month rise of 0.2 per cent to 16.44 million persons (February 2022: 16.40 million persons). Accordingly, the labour force participation rate (LFPR) was higher by 0.1 percentage point to register 69.2 per cent (February 2022: 69.1%), hence indicating more participation of labour force in the economy. A thriving labour force scenario during the month reflects the strategic implementation of the National Recovery Plan as a core catalyst to reinforce the economy and labour market. In March 2022, witnessed a steadily increasing of employment while the number of unemployed persons decreased further in line with the continuous operation of businesses activities which has steered a vibrant economic and labour market situation during the month.”*

*Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The number of employed persons further strengthened in March 2022, with an increase of 0.2 per cent to 15.77 million persons (February 2022: 15.73 million persons). The employment-to-population ratio which indicates the ability of an economy to create employment improved by 0.1 percentage point to record 66.4 per cent in March 2022 as against the preceding month (February 2022: 66.3%). On the contrary, the number of unemployed persons continued to decrease by 0.4 per cent to 669.2 thousand unemployed persons (February 2022: 671.8 thousand persons), registering March’s unemployment rate at 4.1 per cent.”*

*Elaborating further on the employment situation, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The employee’s category which encompassed 76.5 per cent of employed persons in March 2022, continued to record a positive month-on-month growth by 0.1 per cent to registering a total of 12.06 million persons (February 2022: 12.05 million persons). The own-account workers category also posted a rise of 0.6 per cent month-on-month to 2.69 million persons (February 2022: 2.67 million persons).”*

*In terms of economic sector, the number of employed persons in Services sector remained in upward trend mainly in Wholesale & retail trade; Food & beverages services and Human health & social work activities. Similar trend was also observed in the number of employed persons in Manufacturing and Construction sectors which increased steadily for nine consecutive months. Nevertheless, employment in Agriculture and Mining & quarrying sectors remained on a negative trend.*

Commenting further on the unemployment situation during the month, the Chief Statistician said, “A share of 83.8 per cent from the unemployed persons were those who were available for work and were actively seeking jobs or actively unemployed. This category posted a decrease of 0.3 per cent to 561.0 thousand persons (February 2022: 562.5 thousand persons). From the total actively unemployed, 57.1 per cent were those who were unemployed for less than three months, while 7.1 per cent were those who were in long-term unemployment of more than a year. On the other hand, the inactively unemployed or those who believed that there were no jobs available were on a declining trend for eight consecutive months with a reduction of 1.1 per cent to record 108.1 thousand persons (February 2022: 109.3 thousand persons).”

The unemployment rate for youth aged 15 to 24 years rose to 13.1 per cent in March 2022 as against 13.0 per cent in February 2022, registering 361.0 thousand unemployed youths (February 2022: 356.9 thousand persons). On the contrary, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years dropped marginally by 0.1 percentage point to 8.0 per cent, following a decrease of 2.2 per cent in the number to record 502.4 thousand unemployed youths (February 2022: 8.1%; 513.7 thousand persons).


The number of persons outside labour force continued to decrease in March 2022 following the reopening of all economic sectors, thus allowing this inactivity group to enter the labour market either to work or search for jobs. This group posted a decline of 0.2 per cent to 7.31 million persons (February 2022: 7.32 million persons). Housework/ family responsibilities was the main reason of outside labour force with a share of 42.3 per cent and schooling/ training category ranked second with 40.8 per cent.

Looking ahead on the overall labour force situation, Chief Statistician Malaysia said, “The transition phase to endemic as well as the easing of several more restrictions including the reopening of the country's borders to the public are seen to stimulate further the country's economy. In addition, economic activities are observed to be recovering especially for the tourism industry, thus allowing more demand for labour to ensure the operation of business activities running smoothly. In the meantime, the monthly external trade indicators for both exports and imports rebounded by registering double-digit growth month-on-month in March 2022. Meanwhile, ongoing international crises, such as the Russia-Ukraine war has disrupted the global supply chain. However, it may have a minimal direct impact on Malaysia's trade. Therefore, in overall the national economy as well as the labour market will expand further in the upcoming months as more positive signs of the economy were indicated.”


Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. Please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> for more information.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1<sup>st</sup> January 2022 to 31<sup>st</sup> December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15<sup>th</sup> April 2022 to 30<sup>th</sup> September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.


**Chart 1: Unemployment, Malaysia, January 2020 - March 2022**



**Chart 2: Unemployment, Malaysia, Q1 2018 - Q1 2022**




**Chart 3: Employed persons working less than 30 hours, Q1 2020 - Q1 2022**




$$\text{Rate of employed persons less than 30 hours} = \frac{\text{Number of employed persons less than 30 hours}}{\text{Number of employed persons}}$$

**Chart 4: Time-related underemployment, Q1 2020 - Q1 2022**




$$\text{Rate of time-related underemployment} = \frac{\text{Number of time-related underemployment}}{\text{Number of employed persons}}$$

**Chart 5: Skill-related underemployment, Q1 2020 - Q1 2022**




$$\text{Rate of skill-related underemployment} = \frac{\text{Number of skill-related underemployment}}{\text{Number of employed persons with tertiary education}}$$

**Chart 6: Outside labour force, Malaysia, January 2020 - March 2022**



**Chart 7: Outside labour force, Malaysia, Q1 2018 - Q1 2022**



**Released by:**

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
10 MAY 2022**